

27/07/2004

Presiden berhak lantik: Muhyiddin

By Wan Hazmir Bakar; Abdul Razak Raaff; Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata keputusan melantik atau tidak, calon yang kalah pada pertandingan merebut tiga kerusi Naib Presiden parti ke dalam Majlis Tertinggi (MT) Umno, adalah hak Presiden parti.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, berkata beliau sendiri pernah melalui pengalaman tidak dilantik menganggotai MT selepas kalah dalam pertandingan merebut kerusi Naib Presiden ketika Tun Dr Mahathir Mohamad mengetuai Umno.

"Itu prerogatif Presiden Umno... saya dah alami perkara itu, saya dah duduk di luar MT selama empat tahun. Jadi ia bukan perkara yang luar biasa bagi saya," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Pegawai Pertanian di Johor Bahru semalam.

Katanya, kenyataan Presiden Umno itu mungkin juga sebagai peringatan bagi mereka yang mahu bertanding supaya menilai kemampuan mereka untuk mendapat sokongan.

Abdullah membayangkan perkara itu ketika menjawab soalan wartawan pada sidang media sejurus kepulangan beliau daripada lawatan rasmi ke Amerika Syarikat, Perancis dan Britain kelmarin.

Beliau turut menyerahkan kepada calon terbabit untuk memutuskan jawatan mana yang mereka akan tandingi.

Sehingga kini, lapan calon sudah layak bertanding jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan parti September ini.

Selain Muhyiddin, mereka ialah seorang lagi penyandang Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dan empat Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Seri Adnan Yaakob.

Turut layak ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dan Ketua Umno Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad.

Mohd Isa yang juga Menteri Wilayah Persekutuan berkata, beliau menyerahkan keputusan pelantikan anggota MT kepada pucuk kepimpinan parti.

"Saya percaya Abdullah mempunyai kuasa mutlak untuk memilih siapakah yang sesuai bagi memegang jawatan ini.

"Jika tidak sesuai, calon terpaksa terima dan ini tidak menjadi satu masalah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kajian Pelan Integrasi Pembangunan Sistem Pengangkutan Awam dan Gunatanah Lembah Klang di sini semalam.

Sementara itu, Shahrir berkata, beliau tidak akan menandingi jawatan MT kerana mahu menumpukan kepada jawatan Naib Presiden.

Katanya, beliau sanggup dan bersedia mempertaruhkan nasibnya dalam perebutan itu walaupun tanpa sokongan jentera parti yang mampu menjamin kejayaannya.

"Saya sedar adalah menjadi tanggungjawab besar untuk calon seperti saya yang tidak mempunyai jawatan dalam Kabinet bagi merebut jawatan itu," katanya.

Shahrir juga menyifatkan kenyataan Abdullah itu adalah wajar kerana sudah menjadi hak mutlak beliau untuk melantik anggota MT lain.

"Sebagai Presiden Umno, adalah menjadi hak Abdullah untuk melakukan apa saja yang difikirkan akan membawa kebaikan kepada parti," katanya.

Berita Harian difahamkan Mustapa yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut sama memberi tumpuan kepada jawatan Naib Presiden.

"Tok Pa tawar diri pun untuk jawatan Naib Presiden, bukannya MT," kata seorang pegawainya yang enggan namanya disiarkan.
(END)